



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



BULETIN **INTEGRITI** **EDISI 2024**

MEMBUDAYAKAN TATAKELOLA BERINTEGRITI



SIDANG REDAKSI

Penaung

YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin
Megat Ahmad Supian

Penasihat

Encik Norhushaffiz bin Hussin

Ketua Pengarang

Puan Nor Haslinda binti Abd Razak

Timbalan Ketua Pengarang

Puan Kamisah binti Mohd

Pengarang/Pereka

Puan Nur Izzah Melisa binti Enidzullah

Puan Noor Shakilah binti Jaludin

Puan Asniza binti Talib

Puan Noor Azean binti Abdul Rahim

Jurufoto

Puan Nur Qurratu'aini binti Abdullah

Encik Mohd Ridhwan bin Haji Ab Wahab

@Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, mengedar, atau menyiarkan mana-mana bahagian penerbitan ini dalam apa jua bentuk, termasuk secara fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanik sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Diterbitkan oleh :

Kementerian Pendidikan Tinggi

No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5

62200 Putrajaya, Malaysia

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi;

Unit Integriti

Kementerian Pendidikan Tinggi

Tel : 03-8870 6158 / 6566 / 5414

Emel : integriti.kpt@mohe.gov.my

ISI KANDUNGAN

TINTA KATA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI	01-02
PENSIJILAN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) MS ISO 37001:2016: LANGKAH PROGRESIF KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI DALAM MEMPERKUKUH INTEGRITI	03-06
INDEKS PERSEPSI RASUAH MALAYSIA: PERANAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI DALAM MENCAPAI KEDUDUKAN KE-25 DUNIA MENJELANG 2033	07-09
PERANAN KETUA JABATAN DALAM MEMUPUK INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM	10-12
MEMAHAMI EMPAT (4) KESALAHAN UTAMA RASUAH DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (ASPRM) 2009	13-14
SOROTAN BERITA INTEGRITI 2024	15-40
SOROTAN INTEGRITI R&R 2024	41
SOROTAN MESEJ INTEGRITI 2024	42-53

TINTA KATA

KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buletin Integriti Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Tahun 2024 dapat diterbitkan sebagai salah satu wadah untuk berkongsi program-program dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Unit Integriti KPT.

MEMBUDAYAKAN TATAKELOLA BERINTEGRITI DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Integriti perlu diterapkan dalam tatakelola di sesebuah organisasi bagi memastikan pentadbiran yang lebih cekap, mantap dan berkualiti. Dalam hal ini tatakelola berintegriti bukan hanya sekadar suatu ungkapan di atas kertas, tetapi merupakan budaya yang mesti diamalkan dalam setiap aspek pentadbiran dan pengurusan – dari peringkat Kementerian, Jabatan, Agensi hinggalah ke Institusi Pendidikan Tinggi.

Sepanjang tahun 2024, Unit Integriti KPT telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memperkukuh dan membudayakan tatakelola berintegriti di Kementerian, antaranya:



Menyelaras pelaksanaan Laporan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 di mana KPT merupakan peneraju bagi Substrategi 6 iaitu Menambah baik pelaksanaan Kursus Integriti dan Antirasuah di institusi pengajian tinggi dan Substrategi 13 iaitu Mengendalikan Kursus Integriti dan Antirasuah untuk pendidik di institusi pengajian tinggi.

Memantau pelaksanaan Pelan Organisasi Antirasuah (OACP) KPT 2022-2026 oleh Bahagian dan Unit di bawah KPT bagi memastikan setiap inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan efektif ke arah tadbir urus baik pendidikan tinggi dan modal insan berintegriti.

Kemuncak pencapaian Unit Integriti KPT pada tahun 2024 adalah **mendapatkan pensijilan bagi Manual Pengurusan Anti-Bribery Management Systems (ABMS) MS ISO 37001:2016**. Kejayaan ini menggambarkan komitmen Kementerian dalam melaksanakan sistem pengurusan antirasuah yang sistematik dan berkesan.

MENYEMAI INTEGRITI, MENUAI KEJAYAAN

Integriti adalah benih yang perlu disemai dalam setiap aspek kehidupan dan pekerjaan bagi memastikan kejayaan jangka panjang, dalam sektor perkhidmatan awam, khususnya sektor pendidikan tinggi. Oleh itu, saya menyeru seluruh warga Kementerian Pendidikan Tinggi untuk terus mengamalkan nilai integriti dalam setiap tindakan serta memainkan peranan sebagai ejen perubahan dalam memperkukuh dan memartabatkan tatakelola berintegriti di Kementerian.

Selain itu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Unit Integriti KPT atas komitmen dan usaha berterusan dalam menerajui pelbagai inisiatif pemerkasaan integriti di KPT. Dengan iltizam yang tinggi dan usaha yang berterusan, kita mampu menuai kejayaan melalui budaya kerja yang berpaksikan integriti, kejujuran, dan ketelusan.

AKHIR BICARA

Akhir kata, tahniah kepada semua yang telah menyumbang dalam penerbitan Buletin Integriti ini. Semoga inisiatif ini menjadi antara pemangkin dalam membudayakan tatakelola berintegriti di Kementerian, sekali gus memperkukuh kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATO' SERI IR. DR. ZAINI BIN UJANG
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



PENSIJILAN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) MS ISO 37001:2016: LANGKAH PROGRESIF KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI DALAM MEMPERKUKUH INTEGRITI

Anti-Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001:2016 adalah sistem pengurusan anti-rasuah yang diperkenalkan oleh International Organization for Standardization (ISO) bagi membantu organisasi mencegah, mengesan, dan menangani risiko rasuah secara sistematik. ABMS merupakan sistem kawalan dalaman sesebuah organisasi secara sukarela bagi mengesan, mencegah, mengendalikan, menguat kuasa, menilai serta menambah baik langkah pengurusan anti-rasuah secara berkesan. Ia juga merupakan satu instrumen yang fleksibel dan dapat disesuaikan dengan risiko rasuah yang mungkin dihadapi oleh mana-mana organisasi.

Di Malaysia, ABMS telah diadaptasi sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh sistem tadbir urus dalam sektor awam dan swasta. Antara manfaat pelaksanaan ABMS adalah meningkatkan reputasi organisasi, mengurangkan risiko rasuah, serta memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan. Selain itu, ia turut menggalakkan budaya kerja beretika, yang secara tidak langsung dapat meningkatkan kecekapan operasi dan daya saing organisasi.

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menunjukkan komitmen tinggi bagi memperkukuh integriti dan akauntabiliti dengan memperoleh pensijilan ABMS MS ISO 37001:2016. Usaha ini menandakan kejayaan besar KPT dalam mewujudkan sistem pengurusan anti-rasuah yang sistematik dan berkesan.

PERJALANAN PENSIJILAN ABMS KPT

Unit Integriti KPT telah melaksanakan Bengkel Pembangunan Manual ABMS dari 16 Ogos hingga 24 Oktober 2023 untuk membangunkan manual pengurusan yang mematuhi piawaian ABMS. Selepas beberapa siri semakan, Manual Pengurusan ABMS telah dipersetujui oleh Setiausaha Bahagian dan Ketua Unit. Pada 12 Mac 2024, YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha KPT, menandatangani manual tersebut sebagai langkah penting dalam pelaksanaan ABMS di KPT.

AUDIT DALAMAN DAN PENGAUDITAN PENSIJILAN

Sebagai persediaan untuk pensijilan, Sesi Audit Dalaman ABMS dilaksanakan pada 29 dan 30 April 2024, dengan hasil audit menunjukkan tiada Laporan Ketidakpatuhan (NCR), namun beberapa Laporan Peluang Penambahbaikan (OFI) dikenal pasti. Sesi Pengauditan Pensijilan ABMS - Peringkat 1 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. diadakan pada 27 dan 28 Jun 2024, diikuti dengan pengauditan Peringkat 2 pada 24 hingga 26 Julai 2024.



(MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN ABMS)

PENSIJILAN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) MS ISO 37001:2016: LANGKAH PROGRESIF KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI DALAM MEMPERKUKUH INTEGRITI

Dengan usaha dan komitmen semua pihak, KPT akhirnya memperoleh pensijilan ABMS pada 19 Ogos 2024. Skop pensijilan adalah Sistem Pengurusan Anti-Bribery bagi Perkhidmatan Pendidikan Tinggi merangkumi pengurusan biasiswa, dasar dan penyelidikan, Perolehan dan Pengurusan Kewangan, Integriti dan Tadbir Urus organisasi termasuk Undang-Undang dan Akaun.



(BAHAGIAN PEMBANGUNAN)



(BAHAGIAN DASAR DAN PENYELIDIKAN)



(BAHAGIAN KEWANGAN)



(UNIT INTEGRITI)



(BAHAGIAN BIASISWA)

PENSIJILAN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) MS ISO 37001:2016: LANGKAH PROGRESIF KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI DALAM MEMPERKUKUH INTEGRITI



(SESI PENGANUGERAHAN SIJIL ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS))

Sesi penganugerahan Sijil ABMS MS ISO 37001:2016 telah disempurnakan oleh YBrs. Ts. Md. Adha bin Rahmat pada Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat KPT 2024, pada 14 November 2024.

PELAKSANAAN DAN PEMANTAPAN ABMS

Selepas memperoleh pensijilan, cabaran utama adalah untuk memastikan Manual Pengurusan ABMS KPT digunakan secara menyeluruh. Sehubungan itu, setiap Bahagian/Unit di KPT adalah bertanggungjawab untuk:

01.

Memantau proses kerja dan mengukur pencapaian objektif ABMS;

02.

Menilai keberkesanan kawalan dalaman bagi memastikan keberkesanan sistem;

03.

Menghebahkan Polisi Antirasuah KPT kepada semua warga kerja; dan

04.

Mengaplikasikan polisi tersebut dalam setiap proses kerja bagi memastikan budaya anti-rasuah terus diterapkan.

PENGHARGAAN DAN HARAPAN

Dengan kejayaan ini, diharapkan segala usaha penambahbaikan yang telah dilaksanakan akan terus memperkukuh **integriti, akauntabiliti, dan tadbir urus** dalam KPT. Lebih penting lagi, ia akan membantu **menurunkan taraf risiko KPT daripada organisasi berisiko tinggi kepada organisasi berisiko sederhana atau rendah.**

Semoga kejayaan ini menjadi langkah permulaan ke arah budaya kerja yang lebih bersih, telus, dan berintegriti.

PENSIJILAN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) MS ISO 37001:2016: LANGKAH PROGRESIF KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI DALAM MEMPERKUKUH INTEGRITI



(SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL PERINGKAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI TAHUN 2024)



(SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL PERINGKAT KPT TAHUN 2024 DIRASMIKAN OLEH YBHG. DATUK MOHAMAD AZHAN BIN MD. AMIR, TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN) KPT)



(SESI LAFAZ IKRAR BEBAS RASUAH (IBR))



(SESI WACANA INTEGRITI KPT SIRI 3 TAHUN 2024)

SUMBER RUJUKAN :

1. Manual Pengurusan ABMS Kementerian Pendidikan Tinggi
2. Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Tahun 2024 (<https://www.mqa.gov.my/new/hariintegriti2024.cfm#gsc.tab=0>)

INDEKS PERSEPSI RASUAH MALAYSIA: PERANAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI DALAM MENCAPAI KEDUDUKAN KE-25 DUNIA MENJELANG 2033

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) merupakan satu ukuran global yang menilai tahap rasuah dalam sektor awam sesebuah negara berdasarkan pelbagai sumber data dan penilaian pakar. Malaysia kini berusaha untuk memperbaiki kedudukannya dalam CPI dan mencapai matlamat menjadi antara 25 negara terbaik dalam indeks ini menjelang tahun 2033.

Skor CPI Malaysia bagi tahun 2024 kekal pada **50 mata**, sama seperti tahun 2023. Dari segi kedudukan global, Malaysia berada di tangga **ke-57 daripada 180 negara**. Dalam kalangan negara ASEAN, Malaysia masih berada di belakang Singapura yang mencatatkan **84 mata**, namun mengatasi Vietnam (**40 mata**) dan Indonesia (**37 mata**).

STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH NASIONAL (NACS) 2024-2028

Antara perkembangan positif dalam usaha membanteras rasuah di Malaysia termasuk **pelancaran Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028** oleh YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, pada 7 Mei 2024. Strategi ini bertujuan memperkukuh tadbir urus, meningkatkan integriti, dan memperhebat usaha antirasuah negara. Ia meneruskan kesinambungan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang telah berakhir pada Disember 2023.

Secara keseluruhan, NACS menekankan lima (5) strategi utama:



KPT MENERAJUI DUA (2) SUBSTRATEGI DALAM NACS:

Substrategi 6:

Menambah baik pelaksanaan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) di institusi pendidikan tinggi.

Substrategi 13:

Mengendalikan kursus integriti dan antirasuah untuk pendidik di institusi pendidikan tinggi.

INDEKS PERSEPSI RASUAH MALAYSIA: PERANAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI DALAM MENCAPAI KEDUDUKAN KE-25 DUNIA MENJELANG 2033

MODUL KURSUS INTEGRITI DAN ANTIRASUAH (KIAR 2.0)

Modul Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) telah diperkenalkan pada tahun 2020 hasil kerjasama antara Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pada peringkat awal, modul ini mengandungi lapan (8) modul utama yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mahasiswa mengenai nilai integriti serta bahaya rasuah dalam masyarakat.

Pelaksanaan KIAR sebagai kursus wajib dalam Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) adalah hasil keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 14 Bil. 1/2021. Bermula tahun 2021, semua institusi pendidikan tinggi (IPT) di bawah KPT, termasuk universiti awam, politeknik, kolej komuniti, dan institusi swasta, telah menawarkan KIAR sebagai kursus elektif. Seterusnya, pada tahun 2023, KIAR secara rasmi dimasukkan dalam MPU dan diwajibkan kepada semua pelajar IPT.

Bagi memperkukuh dan menambah baik pelaksanaan kursus ini, KPT telah menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan KIAR yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Fazilah binti Idris dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Jawatankuasa ini dianggotai oleh pegawai-pegawai SPRM, wakil-wakil institusi pengajian tinggi, Institut Integriti Malaysia, dan beberapa agensi berkaitan. Tugas utama jawatankuasa ini adalah untuk menyemak semula kandungan modul asal serta membangunkan versi baharu yang dikenali sebagai Modul KIAR 2.0.



(SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL PERINGKAT KPT TAHUN 2024 & SESI PELANCARAN MODUL KURSUS INTEGRITI DAN ANTIRASUAH KIAR 2.0)



(SESI PELANCARAN MODUL KURSUS INTEGRITI DAN ANTIRASUAH KIAR 2.0)

Modul KIAR 2.0 telah dilancarkan semasa Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat KPT pada 14 November 2024. Dalam modul baharu ini, dua (2) modul tambahan telah diperkenalkan, iaitu "Rasuah Dihina, Maruah Dibina" dan "Pembudayaan Integriti dan Institusi Sosial", menjadikan jumlah keseluruhan modul terkini sebanyak sepuluh (10) modul. Modul baharu ini telah digunakan oleh kohort pelajar mulai Semester 1 sesi 2023/2024, dengan penekanan terhadap aspek pencegahan rasuah serta penerapan nilai integriti dalam pelbagai konteks kehidupan.

Dengan adanya Modul KIAR 2.0, diharapkan usaha membanteras rasuah dapat diperkukuh melalui pendidikan berasaskan nilai, seterusnya melahirkan graduan yang berintegriti tinggi serta mampu menyumbang secara signifikan ke arah pembentukan masyarakat bebas rasuah di Malaysia.

KESIMPULAN

Mencapai kedudukan ke-25 dalam CPI menjelang tahun 2033 memerlukan usaha bersepadu dari semua sektor, termasuk pendidikan tinggi. Dengan pelaksanaan strategi di bawah NACS dan penambahbaikan modul KIAR 2.0, KPT berperanan dalam membentuk generasi yang lebih berintegriti. Melalui pendidikan, kesedaran, dan tadbir urus yang telus, Malaysia berpotensi menjadi sebuah negara bebas rasuah dan lebih berdaya saing di peringkat global.

SUMBER RUJUKAN :

1. Indeks Persepsi Rasuah: Skor Malaysia kekal 50 mata, tiada perubahan
<https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/indeks-persepsi-rasuah-skor-malaysia-kekal-50-mata-tiada-perubahan/>
2. Modul Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) 2.0
<https://jpt.mohe.gov.my/index.php/en/hei/public-hei/ua-reference-documents/154-bahan-kursus-integriti-dan-antirasuah-kiar>
3. Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028
https://www.sprm.gov.my/admin/uploads_publication/strategi-pembanteras-rasuah-nasional-2024-2028--my-08052024.pdf
4. SPRM Semarakkan Budaya Antirasuah Bersama Warga KPT
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3471&cat=BP

PERANAN KETUA JABATAN DALAM MEMUPUK INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Integriti dalam perkhidmatan awam merupakan elemen utama dalam memastikan pentadbiran Kerajaan yang telus dan adil. Tanpa integriti, perkhidmatan awam boleh terdedah kepada amalan rasuah, salah guna kuasa, dan penyelewengan. Dalam hal ini, Ketua Jabatan yang mengetuai sesebuah organisasi memainkan peranan penting dalam usaha memupuk budaya kerja yang berintegriti.

TUGAS KAWALAN DAN PENGAWASAN TATATERTIB OLEH KETUA JABATAN

Peraturan 3c.(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 telah memperuntukkan bahawa kawalan dan pengawasan tatatertib adalah menjadi tugas tiap-tiap pegawai ke atas pegawai bawahannya.

Ketua Jabatan/Penyelia yang gagal menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan Peraturan Peraturan 3c.(2), P.U.(A) 395/1993.

PERATURAN 3c.(1)

MAKA MENJADI TUGAS TIAP-TIAP PEGAWAI UNTUK MENJALANKAN KAWALAN DAN PENGAWASAN TATATERTIB KE ATAS PEGAWAI BAWAHANNYA DAN MENGAMBIL TINDAKAN YANG SESUAI DENGAN SEBERAPA SEGERA YANG MUNGKIN BAGI APA-APA PELANGGARAN MANA-MANA PERUNTUKAN PERATURAN-PERATURAN INI.

PERATURAN 3c.(2)

SESEORANG PEGAWAI YANG GAGAL UNTUK MENJALANKAN KAWALAN DAN PENGAWASAN KE ATAS PEGAWAI BAWAHANNYA, ATAU UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP PEGAWAI BAWAHANNYA YANG MELANGGAR MANA-MANA PERUNTUKAN PERATURAN-PERATURAN INI HENDAKLAH DISIFATKAN CUI DALAM MELAKSANAKAN TUGASNYA DAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB, DAN DIA BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB.

PERANAN KETUA JABATAN DALAM MEMUPUK INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM

LANGKAH-LANGKAH MEMPERKASA DAN MEMBUDAYAKAN INTEGRITI DI TEMPAT KERJA

1. Kepimpinan Melalui Teladan

Menjadi contoh dan teladan yang baik adalah amat penting dalam memupuk integriti di tempat kerja. Jika pemimpin menunjukkan ketelusan, kejujuran, dan etika kerja yang tinggi, maka pegawai bawahan juga akan terdorong untuk mencontohi amalan tersebut. Sebaliknya, jika terlibat dalam amalan rasuah, salah guna kuasa, atau penyelewengan, maka pegawai bawahan juga mungkin menganggap amalan tersebut sebagai sesuatu yang normal atau amalan biasa yang diterima.

2. Memberikan Pendidikan dan Kesedaran tentang Integriti

Pendidikan dan latihan berterusan adalah kunci dalam membentuk pegawai awam yang berintegriti. Antara inisiatif yang boleh diambil oleh Ketua Jabatan adalah:

1

Memberi penerangan tentang do's and don'ts di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM)

2

Memberi pendedahan tentang 4 Kesalahan Utama di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009

3

Menggalakkan pegawai menyertai kursus berkaitan bidang tugas mereka seperti kewangan dan perolehan bagi meningkatkan kemahiran

3. Mengambil Tindakan Tegas dan Melaporkan Salah Laku Pegawai dengan Segera

Ketua Jabatan hendaklah bertindak tegas dan melaporkan sebarang pelanggaran tatakelakuan dengan seberapa segera yang mungkin kepada Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan. Kelewatan mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai boleh menjejaskan emosi pegawai, peluang untuk kenaikan pangkat, peluang untuk melanjutkan pelajaran, pencalonan untuk pemberian pingat, dan sebagainya. Tindakan disiplin juga penting sebagai pengajaran kepada pegawai dan pegawai awam yang lain.

4. Pengamalan Prinsip H.E.M.A.T dalam Meningkatkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan yang Berintegriti

Y.A.B Perdana Menteri telah menetapkan iltizam Kerajaan untuk melaksanakan islah dalam perkhidmatan awam terutamanya berkaitan elemen tatakelola dan integriti. Dalam hal ini, prinsip H.E.M.A.T menghendaki pegawai awam untuk sentiasa berani berhijrah selaras dengan tuntutan perubahan semasa. Sehubungan itu, Ketua Jabatan hendaklah menerapkan prinsip H.E.M.A.T dalam organisasi bagi membentuk budaya kerja yang berdaya saing, cekap dan berintegriti.



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

HIJRAH TATA KELOLA

Berani berhijrah menerusi **kepekaan dengan tuntutan perubahan** semasa, menjalankan tugas dengan **rapi, cekap** dalam pelaksanaan tugas, dan mengamalkan **komunikasi secara efisien**



TELUS TADBIRAN

Menyematkan **nilai-nilai integriti** dalam menjalankan tugas seharian, sentiasa membudayakan amalan **semak dan imbang** bagi melancarkan pelaksanaan tugas, dan **meraikan pandangan luar** yang dapat memantapkan lagi kualiti kerja yang dijalankan

EMPATI RAKYAT

Mendengar dan memahami **permasalahan** rakyat, sentiasa **prihatin** dan menyayangi rakyat, serta menumpukan kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif yang dapat memberikan **kesejahteraan kepada rakyat**

MINDA PEKIN

Sentiasa bersikap **cermat** dalam membelanjakan dana awam, sentiasa **kreatif dan inovatif** dalam memanfaatkan sumber-sumber sedia ada, mempunyai minda **"value for money"**, dan menjalankan tugas secara **kerjasama strategik** antara organisasi

APRESIASI INOVASI

Sentiasa menyokong dan menghargai perkembangan **idea-idea baharu** bagi memperkasakan Perkhidmatan Awam, **meneroka pelbagai inisiatif baharu** yang bersesuaian dengan kehendak semasa, dan berusaha untuk **memartabatkan inisiatif digital** baharu yang efisien



DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

Majlis Perhimpunan JPA & Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tahun 2024
21 Februari 2024

Kesimpulannya, kawalan dan pengawasan oleh Ketua Jabatan terhadap pegawai bawahannya amat penting dalam memelihara integriti di tempat kerja. Dalam hal ini, usaha-usaha memperkasa integriti hendaklah dilaksanakan berterusan bagi menjamin sistem pentadbiran yang cekap, telus dan beretika.

SUMBER RUJUKAN :

1. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
2. Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 18 April 2024 berhubung Peningkatan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan yang Berintegriti

MEMAHAMI EMPAT (4) KESALAHAN UTAMA RASUAH DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (ASPRM) 2009

Sebagai pegawai badan awam, adalah penting untuk kita memahami empat (4) kesalahan utama rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] seperti berikut:

1. Meminta/Menerima Rasuah (Seksyen 16 (a) & 17(a), [Akta 694])

Seseorang yang meminta atau menerima suapan sebagai dorongan/upah untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu berkaitan tugas rasmi boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Contoh: Pegawai badan awam meminta rasuah dalam bentuk wang ringgit sebagai dorongan/upah bagi mempercepatkan kelulusan projek yang bercanggah dengan peraturan Kerajaan semasa yang berkuatkuasa.

2. Menawar/Memberi Rasuah (Seksyen 17(b), [Akta 694])

Seseorang yang menawarkan atau memberi suapan sebagai dorongan/upah kepada ejen/pegawai awam untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu berkaitan tugas rasmi.

Contoh: Kontraktor memberi hadiah bernilai tinggi kepada pegawai Kerajaan untuk mendapatkan projek.

3. Membuat Tuntutan Palsu (Seksyen 18, [Akta 694])

Seseorang yang mengemukakan dokumen yang mengandungi butiran palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipal/majikan walaupun tidak menerima sebarang manfaat.

Contoh: Pegawai badan awam membuat perakuan palsu bagi bekalan/perkhidmatan yang:

1

DITERIMA TETAPI
TIDAK MENGIKUT
KUANTITI/SPEKIFIKASI
YANG DITETAPKAN;

2

DITERIMA TETAPI
TIDAK MENGIKUT
TEMPOH MASA YANG
DITETAPKAN; ATAU

3

LANGSUNG TIDAK
DITERIMA.

MEMAHAMI EMPAT (4) KESALAHAN UTAMA RASUAH DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (ASPRM) 2009

4. Menyalahgunakan Jawatan/Kedudukan (Seksyen 23, Akta 694)

Pegawai badan awam yang menyalahgunakan jawatan atau kedudukan mereka untuk mendapatkan suapan bagi kepentingan diri sendiri, saudara atau sekutunya.

Contoh: Pegawai badan awam meluluskan kontrak kepada syarikat milik ahli keluarganya tanpa melalui proses perolehan yang betul.

PENALTI BAGI EMPAT (4) KESALAHAN UTAMA RASUAH DI BAWAH ASPRM 2009

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 18 dan 23 apabila disabitkan boleh—

(a) dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun; dan

(b) didenda tidak kurang daripada lima (5) kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

PENGIKTIRAFAN KEPADA PENJAWAT AWAM YANG MELAPORKAN PEMBERIAN ATAU PENERIMAAN RASUAH

Sebagai galakan penjawat awam, Ketua Setiausaha Negara melalui Surat Pengiktirafan kepada Penjawat Awam yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah bertarikh 11 Mei 2011 memperuntukkan bahawa mana-mana penjawat awam yang melaporkan penawaran atau pemberian rasuah **boleh diberikan ganjaran berbentuk wang tunai sekiranya kes tersebut membawa kepada sabitan oleh Mahkamah sehingga ke peringkat yang tiada lagi rayuan boleh dibuat.** Pelapor pemberian rasuah juga boleh :

1

DIBERI SIJIL PENGHARGAAN

2

DIPERTIMBANGKAN UNTUK PENCALONAN ANUGERAH DI PERINGKAT PERSEKUTUAN ATAU NEGERI

SUMBER RUJUKAN :

1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]

2. Surat Pengiktirafan kepada Penjawat Awam yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah bertarikh 11 Mei 2011

The background features a teal color scheme with large, diagonal geometric shapes. Faded images of modern skyscrapers are visible in the corners. Three thick, teal diagonal lines are overlaid on the design.

BERITA INTEGRITI

MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB

PERKHIDMATAN AWAM KUMPULAN SOKONGAN (NO.2) KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BILANGAN 1 TAHUN 2024

Mesyuarat Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Kumpulan Sokongan (No. 2) Kementerian Pendidikan Tinggi Bilangan 1 Tahun 2024 pada 11 Januari 2024 telah membincangkan dan menentukan hukuman tatatertib seperti berikut:

JENIS KESALAHAN	GRED PEGAWAI	KEPUTUSAN TATATERTIB / HUKUMAN
GANGGUAN SEKSUAL	32	AMARAN



*Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib / hukuman **AMARAN** adalah **tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan.**

SUMBER: PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA

Urusan Pemangkuhan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam

Ceraian UP.3.1.6 - Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Disiasat Dan Telah Dikenakan Hukuman Tatatertib

info: Gangguan Seksual Di Tempat Kerja

- 4a. (1) Seseorang pegawai tidak boleh melakukan gangguan seksual terhadap orang lain, iaitu, seseorang pegawai tidak boleh-
- (a) membuat cubaan untuk merapati orang lain secara seksual, atau meminta layanan seksual daripada orang itu; atau
 - (b) melakukan apa-apa perbuatan yang bersifat seksual berhubung dengan orang lain, dalam keadaan yang, setelah mengambil kira segala hal keadaan, akan menyebabkan seseorang yang waras tersinggung, terhina atau terugut.

SUMBER: PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) [P.U.(A) 395/1993]



MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB

PERKHIDMATAN AWAM KUMPULAN SOKONGAN (NO. 2)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
BILANGAN 2 TAHUN 2024

Mesyuarat Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Kumpulan Sokongan (No. 2) Kementerian Pendidikan Tinggi Bilangan 2 Tahun 2024 pada 24 Januari 2024 telah membincangkan dan menentukan hukuman tatatertib seperti berikut:

JENIS KESALAHAN

GRED PEGAWAI

KEPUTUSAN TATATERTIB / HUKUMAN

MELAKUKAN PENGESAHAN
PENERIMAAN PEROLEHAN
BEKALAN WALHAL BEKALAN
TIDAK DITERIMA

22

TANGGUH PERGERAKAN GAJI
BAGI TEMPOH TIGA (3) BULAN

*Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib / hukuman **TANGGUH PERGERAKAN GAJI SELAMA TIGA (3) BULAN** adalah tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 30 bulan.

SUMBER: PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA

Urusan Pemangkuan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam

Ceraian UP.3.16 - Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Disiasat Dan Telah Dikenakan Hukuman Tatatertib

info:

PELANGGARAN TATAKELAKUAN

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB)

[P.U.(A) 395/1993]



Perbuatan tersebut boleh diertikan telah melanggar peraturan 4(2)(f), dan 4(2)(g), P.U.(A) 395/1993 yang menyatakan seperti berikut:-

“4(2) seseorang pegawai tidak boleh –
(f) tidak jujur atau amanah;
(g) tidak bertanggungjawab.”

SUMBER: PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) [P.U.(A) 395/1993]



MESYUARAT JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BILANGAN 1 TAHUN 2024



Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Bilangan 1 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha KPT telah diadakan pada 12 Mac 2024 di Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Aras 17, KPT.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Qualifications Agency (MQA), Pengarah Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Ketua Eksekutif Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Perkasa Siswa, Setiausaha Bahagian, Penasihat Undang-Undang, Ketua Unit serta wakil daripada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Education Malaysia Global Services (EMGS) dan Bahagian/Unit di KPT.

KEPUTUSAN MESYUARAT

-  Penstrukturan semula Unit Integriti di Kementerian bagi melaksanakan enam (6) fungsi teras Unit Integriti secara berpusat dengan melibatkan JPT dan JPPKK
-  Memastikan Penarafan Semula Risiko Rasuah KPT oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2026 di tahap SEDERHANA
-  Ketua Jabatan perlu memastikan pegawai di bawah seliaannya mematuhi Tatacara Pengurusan Penerimaan atau Pemberian Hadiah serta Tatacara Perisytiharan Harta berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
-  JPPKK perlu menyediakan Kertas Pertimbangan berkaitan isu/cabaran dalam mengambil tindakan susulan Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (LSPRM) yang melibatkan warga JPPKK

SESI TAKLIMAT BERKAITAN ARAHAN YAB PERDANA MENTERI NO. 1 TAHUN 2023: GERAKAN PEMANTAPAN TATAKELOLA NASIONAL

Sesi Taklimat Berkaitan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2023: Gerakan Pemantapan Tatakelola Nasional telah diadakan pada 13 Mac 2024 secara atas talian. Sesi taklimat ini disampaikan oleh PPj Nazairi bin Zainun@Zainol, Bahagian Urus Tadbir Sektor Awam (BUTSA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Arahan ini bertujuan untuk memperkemas dan memperkukuh usaha pemantapan tatakelola dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan bagi menangani isu-isu kelemahan tatakelola yang boleh menyebabkan ketirisan wang Kerajaan, pembaziran serta risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Berikutan dengan Arahan tersebut, Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan, Kementerian/Kerajaan Negeri/Jabatan/Agensi di Peringkat Persekutuan digantikan dengan Jawatankuasa Tatakelola (JTK).

Sesi taklimat ini dihadiri oleh 175 Pegawai Integriti daripada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Education Malaysia Global Services (EMGS), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti.

info: Selaras dengan Arahan ini, semua Jabatan/Agensi/Badan Berkanun perlu melaksanakan Mesyuarat JTK tiga (3) kali setahun.



MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT) BILANGAN 1 TAHUN 2024



Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalaman ABMS KPT Bil. 1 Tahun 2024 telah diadakan pada 22 April 2024. Mesyuarat ini dihadiri oleh Encik Norhushaffiz bin Hussin, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan ABMS KPT, Encik Basri bin Zainol, konsultan ABMS KPT, Puan Fazliana binti Mohd Razali, Ketua Juruaudit Dalaman ABMS KPT serta ahli Jawatankuasa Audit Dalaman ABMS KPT.

Salah satu elemen bagi melengkapkan kriteria pensijilan adalah melaksanakan Audit Dalaman di bawah skop ABMS sebelum pengauditan pensijilan oleh Badan Pensijilan yang dilantik bagi memastikan dokumen ABMS yang dibangunkan adalah berdasarkan standard MS ISO 37001:2016.



JADUAL AUDIT DALAMAN ABMS KPT

29 APRIL 2024 (ISNIN)

**5
SKOP**

**BAHAGIAN
PEMBANGUNAN**

**4
SKOP**

**BAHAGIAN
KEWANGAN**

**3
SKOP**

**BAHAGIAN
BIASISWA**

30 APRIL 2024 (SELASA)


**1
SKOP**

**BAHAGIAN DASAR
DAN PENYELIDIKAN**

**4
SKOP**

**UNIT
INTEGRITI**

AUDIT DALAMAN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT) TAHUN 2024



Audit Dalaman Anti-Bribery Management System (ABMS) KPT Tahun 2024 telah diadakan pada 29 hingga 30 April 2024. Audit dalaman ini merupakan salah satu elemen bagi melengkapkan kriteria pensijilan sebelum pengauditan sebenar oleh Badan Pensijilan yang dilantik. Sesi pengauditan ini melibatkan Jawatankuasa Audit Dalaman ABMS KPT yang diketuai oleh Puan Fazliana binti Mohd Razali.

Sebanyak 38 skop daripada 13 Bahagian/Unit telah dinyatakan dalam Manual Pengurusan ABMS KPT. Walau bagaimanapun, bagi tujuan audit dalaman ini hanya melibatkan 17 skop daripada lima (5) Bahagian/Unit iaitu Bahagian Pembangunan (5 skop), Bahagian Kewangan (4 skop), Bahagian Biasiswa (3 skop), Bahagian Dasar dan Penyelidikan (1 skop) dan Unit Integriti (4 skop). Hasil Audit Dalaman ABMS mendapati tiada Ketidakpatuhan yang ditemui. Walau bagaimanapun, terdapat 11 peluang penambahbaikan yang perlu diambil tindakan segera oleh Bahagian/Unit yang terlibat.

AUDIT DALAMAN PADA 29 APRIL 2024

MESYUARAT
PEMBUKAAN
AUDIT DALAMAN
ABMS



AUDIT DALAMAN PADA 30 APRIL 2024



MESYUARAT
PENUTUP
AUDIT
DALAMAN
ABMS





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

BERITA INTEGRITI KPT SIRI 7/2024

WACANA INTEGRITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI SIRI 1 TAHUN 2024 “UKUR BAJU DI BADAN SENDIRI”



Wacana Integriti KPT Siri 1 Tahun 2024 telah diadakan pada 14 Mei 2024 secara dalam talian. Ucapan aluan bagi sesi wacana ini telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT. Seterusnya, Sesi Wacana Integriti bertajuk “Ukur Baju Di Badan Sendiri” telah disampaikan oleh YBrs. Puan Zarina binti Alias, Pegawai Insolvensi Utama, Bahagian Kebankrapan, Jabatan Insolvensi Malaysia.

Wacana Integriti ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga KPT berkaitan penglibatan pegawai dalam keterhutangan yang serius. Selain itu, sesi wacana ini juga memberi pendedahan mengenai tanggungjawab Ketua Jabatan dalam memastikan kakitangan di bawah seliaannya mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi mencegah berlakunya pelanggaran tatakelakuan. Seramai 550 pegawai daripada KPT, JPT, JPPKK, AKEPT, Politeknik dan Kolej Komuniti telah menyertai sesi wacana ini. Semoga sesi perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada semua warga KPT dalam aspek pengurusan kewangan secara berhemah.

info: Keterhutangan kewangan yang serius

merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993



UNIT INTEGRITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Telefon: 03-8870 6770 | Emel: integritikpt@moe.gov.my



MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT) 2022-2026 BILANGAN 1 TAHUN 2024



Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah KPT 2022-2026 Bil. 1 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT telah diadakan pada 16 Mei 2024 di Bilik Mesyuarat Al-Farabi, Aras 16, KPT. Mesyuarat ini dihadiri oleh Setiausaha Bahagian, Penasihat Undang-Undang, Ketua Unit dan pegawai penyelaras di Bahagian/Unit.

KEPUTUSAN MESYUARAT

-  Membuat Hebahan Pencapaian Pelan Antirasuah KPT 2022-2026
-  Pelaksanaan Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) KPT pada tahun 2025
-  Pelaksanaan Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) sebagai program latihan warga KPT
-  Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah perlu dipaparkan di ruang pejabat Bahagian/Unit di KPT

**STATUS
PELAKSANAAN
INISIATIF
PELAN
ANTIRASUAH
KPT 2022-2026
MENGIKUT
BIDANG
KEUTAMAAN
(SEHINGGA MEI 2024)**



- A**
Biasiswa,
Pinjaman dan
Penyelidikan
(6 inisiatif)
- B**
Integriti dan
Tadbir Urus
Organisasi
(14 inisiatif)
- C**
Proses Perolehan
dan Pengurusan
Kewangan
(11 inisiatif)

- ✓ 3 inisiatif telah selesai
✳ 1 inisiatif dalam tindakan
- ✓ 11 inisiatif telah selesai
✳ 2 inisiatif dalam tindakan
- ✓ 6 inisiatif telah selesai
✳ 4 inisiatif dalam tindakan

SESI TAKLIMAT BERKAITAN PENGAUDITAN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) MS ISO 37001:2016 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI


Sesi Taklimat Berkaitan Pengauditan Anti-Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001:2016 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah diadakan pada 24 Mei 2024 secara dalam talian. Sesi taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Nor Haslinda binti Abd Razak, Penolong Setiausaha Kanan, Unit Integriti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Taklimat ini bertujuan untuk memberi pemahaman dan kesedaran kepada warga KPT mengenai pembangunan Manual Pengurusan ABMS MS ISO 37001:2016 KPT dan polisi-polisi yang dibangunkan di dalam manual tersebut. KPT perlu memastikan warga KPT mempunyai kesedaran dan cakna akan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dalam usaha untuk mendapatkan pensijilan ABMS MS ISO 37001:2016.

Oleh yang demikian, diharapkan agar semua warga KPT dapat bersedia sepenuhnya dari aspek penyediaan dokumen yang lengkap, pematuhan terhadap Manual Pengurusan ABMS KPT dan polisi-polisi yang dibangunkan serta kesedaran terhadap hebahan-hebahan **#KPTKEARAHPENSIJILANABMS** yang diuar-uarkan dari semasa ke semasa.

Sesi taklimat ini juga dihadiri oleh 30 orang warga KPT yang juga merupakan wakil auditi daripada Bahagian dan Unit di KPT bagi memastikan kesedaran dan pematuhan terhadap manual dan polisi-polisi yang dibangunkan tersebut dapat disampaikan kepada warga Bahagian dan Unit dengan berkesan.

info: Pengauditan bagi pensijilan MS ISO 37001:2016 ini akan dilaksanakan oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd pada bulan Jun dan Julai 2024



SESI PENGAUDITAN PENSIJILAN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) MS ISO 37001:2016 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI - AUDIT PERINGKAT 1



Sesi Pengauditan Pensijilan Anti-Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001:2016 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) - Audit Peringkat 1 telah dilaksanakan pada 27 dan 28 Jun 2024 oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Sesi pengauditan ini diketuai oleh Puan Kamsiah Mansoor dengan dibantu oleh Puan Suri Yati Amran serta Datuk Sutinah Sutan selaku Pakar Teknikal.

Objektif Sesi Pengauditan ABMS Peringkat 1 bertujuan untuk membuat semakan terhadap maklumat yang didokumenkan, laporan audit dalaman ABMS dan sistem pengurusan organisasi Kementerian dalam menentukan kesediaan KPT untuk Sesi Audit ABMS Peringkat 2.

PENEMUAN AUDIT ABMS KPT PERINGKAT 1

1

KLAUSA 4.5: PENILAIAN RISIKO RASUAH

Penyataan risiko rasuah perlu diperincikan selaras dengan Akta SPRM 2009.

2

KLAUSA 5.2: POLISI ANTIRASUAH

Polisi anti rasuah sedia ada KPT perlu ditambahbaik dengan mengambil kira kepada pematuhan ABMS MS ISO 37001:2016.

3

KLAUSA 6.1: TINDAKAN UNTUK MENYATAKAN RISIKO DAN PELUANG

Daftar Risiko perlu disemak sekurang-kurangnya sekali setahun dan dinyatakan di dalam Manual ABMS KPT.

4

KLAUSA 8.10: PENGURUSAN ADUAN & SIASATAN INTEGRITI

Tatacara fungsi Pengesanan dan Pengesahan (P&P) perlu ditambah baik.

SESI PERBINCANGAN DAPATAN AUDIT PENSIJILAN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) MS ISO 37001:2016 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI - AUDIT PERINGKAT 1



Sesi Perbincangan Dapatan Audit Pensijilan Anti-Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001:2016 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Peringkat 1 telah dilaksanakan pada 9 Julai 2024. Sesi ini bertujuan untuk menerangkan hasil dapatan audit yang diterima disamping memantau gerak kerja pemurnian dokumen ABMS sebagai persediaan ke arah Sesi Pengauditan Pensijilan ABMS MS ISO 37001:2016 KPT Peringkat 2 pada 24 hingga 26 Julai 2024.

Berikut adalah perkara-perkara yang perlu diambil perhatian oleh semua Bahagian/Unit di KPT:

4 KESALAHAN UTAMA RASUAH BERDASARKAN AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (ASPRM 2009)

MEMINTA/MENERIMA RASUAH
(SEKSYEN 16 & 17(a)
ASPRM 2009)

MENGEMUKAKAN TUNTUTAN
PALSU
(SEKSYEN 18 ASPRM 2009)

MENAWAR/MEMBERI SUAPAN
(SEKSYEN 17(b) ASPRM 2009)

MENGGUNAKAN
JAWATAN/KEDUDUKAN UNTUK
SUAPAN PEGAWAI BADAN AWAM
(SEKSYEN 23 ASPRM 2009)

TINDAKAN YANG PERLU DILAKSANAKAN OLEH BAHAGIAN/UNIT

Mengisi borang
Prosedur
Kawalan
Dokumen &
Rekod

Memastikan
MyPortfolio
Ketua Jabatan
disediakan &
dikemaskini

Menyediakan
sampel yang
lengkap untuk
dokumen
terperingkat

Menyediakan
Ring File Borang
Penerimaan
Hadiah MyPPSM
[Ceraian UP.7.2.5]

Memastikan isu
Dalam dan
Luaran
Bahagian selari
dengan Daftar
Risiko

Memastikan
semua
dokumen
sokongan
adalah lengkap,
tersedia dan
terkini

Memastikan
Daftar Risiko
Bahagian/Unit
telah
dimurnikan

Memastikan
semua warga
mengisi Akuan
Pematuhan Kod
Etika &
Tatakelakuan
KPT





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

BERITA INTEGRITI KPT SIRI 12/ 2024



WACANA INTEGRITI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI SIRI 2 TAHUN 2024 “HARGAI AMANAH, SAYANGI KERJAYA”

Wacana Integriti Kementerian Pendidikan Tinggi Siri 2 Tahun 2024 telah dilaksanakan pada 1 Ogos 2024 (Khamis) di Dewan Za'ba, KPT. Ucapan aluan bagi sesi wacana ini telah disampaikan oleh Encik Norhushaffiz bin Hussin, Ketua Unit Integriti, KPT. Seterusnya, sesi wacana berbentuk forum yang bertajuk **“Hargai Amanah, Sayangi Kerjaya”** telah diadakan khas dengan penampilan Personaliti TV iaitu Saudara Ahmad Fedtri Yahya sebagai moderator dan dua (2) orang panel jemputan iaitu Encik Mahadzir bin Elias dari Bahagian Pencegahan, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK) dan YBr. Prof. Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail dari Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM).

Wacana Integriti ini dilaksanakan dengan tujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai awam mengenai bahaya penyalahgunaan dadah di samping mendidik Ketua Jabatan bagi mencegah penyalahgunaan dadah dalam kalangan pegawai sebagai usaha mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat. Program ini juga merupakan platform perkongsian ilmu bagi memastikan pegawai-pegawai sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi mencegah berlakunya pelanggaran tatakelakuan. Seramai 329 pegawai daripada KPT, Jabatan, Agensi, Politeknik dan Kolej Komuniti serta lain-lain Kementerian telah menyertai sesi wacana ini. Semoga sesi perkongsian ini dapat memberi manfaat kepada semua warga KPT dalam mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta bebas dadah.

Moderator



Saudara Ahmad
Fedtri Yahya

Panel 1



Encik Mahadzir
bin Elias

Panel 2



Prof . Dr.
Sharifah Hayaati
binti Syed Ismail



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

BERITA INTEGRITI KPT SIRI 13/2024

SESI PENGAUDITAN PENSIJILAN ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) MS ISO 37001:2016 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI - PERINGKAT 2



Sesi Pengauditan Pensijilan Anti-Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001:2016 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) (Peringkat 2) oleh badan pensijilan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah dilaksanakan pada 24 hingga 26 Julai 2024.

Sesi pengauditan ini diketuai oleh Puan Kamsiah Mansoor dengan dibantu oleh YBhg. Dato' Sutinah Sutan selaku Pakar Teknikal dan tiga (3) orang Juruaudit. Sesi Pengauditan ABMS Peringkat 2 ini dilaksanakan melalui proses semakan dokumen dan rekod ABMS, pemerhatian proses dan aktiviti serta sesi temu bual bersama pengurusan tertinggi KPT. Susulan daripada sesi audit tersebut,

KPT TELAH DISYORKAN UNTUK MENDAPAT

Pensijilan
**ANTI-BRIBERY MANAGEMENT
SYSTEM (ABMS) MS ISO 37001:2016
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**
daripada
SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN.BHD
dalam tempoh
**SATU (1) BULAN IAITU SELEWAT-LEWATNYA
PADA 26 OGOS 2024**





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

BERITA INTEGRITI KPT SIRI 14/2024

MESYUARAT JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BILANGAN 2 TAHUN 2024



Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Bilangan 2 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT telah diadakan pada 29 Julai 2024 di Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, KPT.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Timbalan Ketua Pengarah (Governan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Setiausaha Bahagian, Pengarah Jabatan, Penasihat Undang-Undang, Ketua Unit serta wakil daripada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Education Malaysia Global Services (EMGS), Malaysian Qualifications Agency (MQA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Yayasan Perkasa Siswa (YPS) dan Bahagian/Unit di KPT.

BERIKUT MERUPAKAN PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN:

01

Berdasarkan Pembentangan Laporan Penarafan Risiko Rasuah KPT Tahun 2023 oleh wakil BPIA, SPRM, KPT telah ditarafkan sebagai organisasi berisiko tinggi. Taraf risiko ini boleh diturunkan dengan cara memastikan tiada kes rasuah melibatkan pegawai atau kakitangan bagi agensi di bawah KPT yang disiasat oleh pihak SPRM dalam tempoh tiga (3) tahun.

02

KPT telah disyorkan untuk mendapat **Pensijilan Anti-Bribery Management Systems (ABMS) MS ISO 37001:2016 Kementerian Pendidikan Tinggi** daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Susulan Sesi Pengauditan Pensijilan ABMS KPT Peringkat 2 pada 27 hingga 29 Julai 2024. Sijil akan dikemukakan dalam tempoh satu (1) bulan iaitu selewat-lewatnya pada 26 Ogos 2024.

03

Unit Integriti akan melaksanakan **Sesi Pematuhan (Ujian Dadah-Saringan Urin)** yang berfokuskan kepada **Program Kesedaran Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD)** kepada warga KPT serta Jabatan.

04

KPT merupakan peneraju bagi dua (2) substrategi di bawah Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 iaitu substrategi 6 dan 13 berkaitan **Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR)** yang dilaksanakan di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di seluruh Malaysia. Substrategi ini perlu dipantau pelaksanaannya oleh JPT dan JPPKK. Pemantauan di peringkat KPT adalah melalui Mesyuarat JTK KPT.

05

Selaras dengan Peraturan 3c, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, **Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai-pegawai di bawah seliaannya membuat perisytiharan harta mengikut tempoh yang ditetapkan** sebagaimana dinyatakan dalam Ceraian UP.7.2.6 - Pemilikan dan Perisytiharan Harta oleh Pegawai Awam, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM).



MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB

PERKHIDMATAN AWAM KUMPULAN PENGURUSAN (NO. 2) KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BILANGAN 1 TAHUN 2024

Mesyuarat Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan (No. 2) Kementerian Pendidikan Tinggi Bilangan 1 Tahun 2024 pada 6 Ogos 2024 telah membincangkan dan menentukan hukuman tatatertib seperti berikut:

JENIS KESALAHAN (KES 1)	GRED PEGAWAI	KEPUTUSAN TATATERTIB / HUKUMAN
MENGESAHKAN PERAKUAN PENERIMAAN BEKALAN WALHAL BEKALAN TERSEBUT TIDAK DITERIMA	44	TANGGUH PERGERAKAN GAJI BAGI TEMPOH TIGA (3) BULAN

*Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib / hukuman **TANGGUH PERGERAKAN GAJI** adalah tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 30 bulan.

JENIS KESALAHAN (KES 2)	GRED PEGAWAI	KEPUTUSAN TATATERTIB / HUKUMAN
TIDAK HADIR BERTUGAS	44	AMARAN

*Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib / hukuman **AMARAN** adalah tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan.

SUMBER : PEKELJING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA

Urusan Pemangkuhan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam

Ceraian UP.3.1.6- Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Disiasat Dan Telah Dikenakan Hukuman Tatatertib

Info:

PELANGGARAN TATAKELAKUAN

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) [P.U.(A) 395/1993]



Perbuatan tersebut boleh diertikan telah melanggar peraturan 4(2)(f), dan 4(2)(g), P.U.(A) 395/1993 yang menyatakan seperti berikut:-

- "4(2) seseorang pegawai tidak boleh –
(f) tidak jujur atau amanah;
(g) tidak bertanggungjawab."

SUMBER : PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) [P.U.(A) 395/1993]

UNIT INTEGRITI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



Telefon : 03-8870 6770



Emel : integriti.kpt@moh.gov.my



MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB

PERKHIDMATAN AWAM KUMPULAN SOKONGAN (NO. 1)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
BILANGAN 1 TAHUN 2024

Mesyuarat Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Kumpulan Sokongan (No. 1) Kementerian Pendidikan Tinggi Bilangan 1 Tahun 2024 pada 6 Ogos 2024 telah membincangkan dan menentukan hukuman tatatertib seperti berikut:

JENIS KESALAHAN

GRED PEGAWAI

KEPUTUSAN
TATATERTIB / HUKUMAN

TIDAK HADIR
BERTUGAS

29

AMARAN

*Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib / hukuman **AMARAN** adalah tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan.

SUMBER: PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA

Urusan Pemangku dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam

Ceraihan UP.3.1.6 - Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Disiasat Dan Telah Dikenakan Hukuman Tatatertib

info:

PELANGGARAN TATAKELAKUAN PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) [P.U.(A) 395/1993]



Perbuatan tersebut boleh diertikan telah melanggar peraturan 4(2)(g), P.U.(A) 395/1993 yang menyatakan seperti berikut:-

“4(2) seseorang pegawai tidak boleh –
(g) tidak bertanggungjawab.”

SUMBER: PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) [P.U.(A) 395/1993]





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

BERITA INTEGRITI KPT SIRI 17 / 2024

BENGKEL PENGUKUHAN SIASATAN DALAMAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI TAHUN 2024

Pada 27 hingga 29 Ogos 2024, Unit Integriti Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menganjurkan Bengkel Pengukuhan Siasatan Dalaman KPT Tahun 2024 bertempat di Holiday Inn Hotel, Melaka. Sesi bengkel ini telah menampilkan dua (2) orang penceramah jemputan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iaitu Tuan Zool Amali bin Omar, Ketua Cawangan Siasatan Integriti Badan Awam, Bahagian Siasatan, SPRM dan Puan Maizatul Akmal binti Yahaya, Ketua Seksyen Media, Cawangan Publisiti, Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM.

Bengkel ini diadakan susulan arahan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) KPT Bilangan 2 Tahun 2023 yang telah memutuskan supaya Unit Integriti KPT menganjurkan satu bengkel siasatan yang melibatkan penyertaan pegawai-pegawai daripada Bahagian/Unit di Kementerian, Jabatan, Agensi serta Universiti Awam.

Seramai 54 orang pegawai terdiri daripada Bahagian/Unit di KPT, Jabatan, Agensi serta Unit Integriti Universiti Awam telah menyertai sesi bengkel ini.

Antara **objektif utama** bengkel adalah :

- memberi pengetahuan dan kefahaman kepada peserta mengenai aspek penting di bawah Fungsi Pengesanan dan Pengesanan untuk memastikan siasatan dilaksanakan dengan berkesan;
- memberi pendedahan kepada peserta berhubung kaedah pengendalian siasatan yang melibatkan Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (LSPRM) berdasarkan tatacara terkini iaitu Ceraian UP.7.4.3, Pengurusan Laporan Berhubung Dengan Tatakelakuan Pegawai Awam Yang Dirujuk Oleh Pihak Berkuasa Integriti, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM);
- meningkatkan kemahiran peserta dalam penyediaan laporan siasatan yang seragam, lengkap dan menyeluruh; dan
- sebagai satu platform untuk berbincang dan berkongsi pengalaman bagi meningkatkan lagi kecekapan serta keberkesanan peserta dalam menjalankan fungsi siasatan.



Tuan Zool Amali bin Omar



Puan Maizatul Akmal binti Yahaya

Output Bengkel Pengukuhan Siasatan Dalaman KPT Tahun 2024

1

Penyediaan satu templat pelaporan JKSD yang seragam, lengkap dan menyeluruh merentasi Kementerian, Jabatan, Agensi dan Universiti Awam.

2

Penerangan berhubung Garis Panduan JKSD di peringkat Kementerian untuk disesuaikan di Jabatan, Agensi dan Universiti Awam tertakluk kepada kesesuaiannya dan penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

3

Pendedahan yang mendalam terhadap prosedur dan tatacara siasatan terkini bagi memastikan peserta dapat mengaplikasikan kaedah-kaedah yang lebih sistematik dan profesional dalam mengendalikan kes-kes yang melibatkan pelanggaran tatakelakuan dan integriti.



SESI PEMATUHAN “INTEGRITI BERSAMA ANDA” KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI TAHUN 2024

Pada 24 September 2024, Unit Integriti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menganjurkan program **Sesi Pematuhan “Integriti Bersama Anda”** bertempat di Dewan Jamuan, Aras 1, KPT.

Sesi Pematuhan “Integriti Bersama Anda” ini merupakan kesinambungan daripada Program Kesedaran Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) yang telah dianjurkan oleh Unit Integriti KPT melalui Program Wacana Integriti KPT Bilangan 2 Tahun 2024: “Hargai Amanah, Sayangi Kerjaya” pada 1 Ogos 2024. Program Sesi Pematuhan “Integriti Bersama Anda” ini diadakan bertujuan untuk :

- mendidik warga Kementerian dan Jabatan mengenai **larangan penglibatan pegawai awam dalam penyalahgunaan dadah** selaras dengan Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993; dan
- memastikan **persekitaran kerja yang produktif, selamat dan bebas dadah** bagi menjaga reputasi Kementerian.

Sesi Pematuhan “Integriti Bersama Anda” dimulakan dengan sesi **Taklimat Kesalahan-Kesalahan Utama Rasuah Di Bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (ASPRM) 2009 dan Taklimat Pengurusan Penerimaan dan Pemberian Hadiah Dalam Perkhidmatan Awam Berdasarkan Ceraian UP.7.2.5, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM)** yang disampaikan oleh Encik Norhushaffiz bin Hussin, Ketua Unit Integriti KPT.

Seterusnya, **Sesi Pematuhan (Ujian Dadah-Saringan Urin) secara mengejut** telah dijalankan dengan kerjasama pihak AADK yang diketuai oleh Encik Muhammad Azim bin Che Ali, Ketua Pegawai AADK, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Sesi Pematuhan yang dijalankan ini telah mendapat sambutan dan maklum balas yang baik daripada seramai 200 warga KPT dan JPT yang telah menyertai Sesi Pematuhan ini.

Harapan semoga segala komitmen dan sokongan terhadap program-program pematuhan yang diadakan dapat dikekalkan secara berterusan bagi memupuk kesedaran dalam kalangan warga Kementerian dan Jabatan bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja yang bebas dadah.



PERINGATAN MESRA



Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 5 Julai 2024 telah menekankan bahawa **Ketua Jabatan** hendaklah memberi perhatian serius dalam melaksanakan kawalan dan pengawasan tatatertib terhadap pegawai seliaannya selaras dengan Peraturan 3c, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.



Encik Norhushaffiz bin Hussin
Ketua Unit Integriti
Kementerian Pendidikan Tinggi



Encik Muhammad Azim Che Ali
Ketua Pegawai AADK
W. P. Putrajaya.





MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB

PERKHIDMATAN AWAM KUMPULAN SOKONGAN (NO. 2) KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BILANGAN 3 TAHUN 2024

Mesyuarat Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Kumpulan Sokongan (No. 2) Kementerian Pendidikan Tinggi Bilangan 3 Tahun 2024 pada 8 Oktober 2024 telah membincangkan dan menentukan hukuman tatatertib seperti berikut:

JENIS KESALAHAN	GRED PEGAWAI	KEPUTUSAN TATATERTIB / HUKUMAN
MENYALAHGUNAKAN WANG KELAB/ PERSATUAN BAGI TUJUAN PERIBADI	22	1. AMARAN 2. DENDA BERSAMAAN TIGA (3) HARI EMOLUMEN

*Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib / hukuman seperti berikut :

- 1 **AMARAN** adalah tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan.
- 2 **DENDA** adalah tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 18 bulan.

SUMBER : PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA
Urusan Pemangkuhan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam
Ceraian UP.3.1.6 - Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Disiasat Dan Telah Dikenakan Hukuman Tatatertib

info:

PELANGGARAN TATAKELAKUAN PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) [P.U.(A) 395/1993]



Perbuatan tersebut boleh diertikan telah melanggar peraturan 4(2)(d), P.U.(A) 395/1993 yang menyatakan seperti berikut:-

“4(2) seseorang pegawai tidak boleh –
(d) berkelakuan dengan sedemikian cara hingga memburukkan nama
atau mencemarkan nama perkhidmatan awam.”

SUMBER : PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) [P.U.(A) 395/1993]



MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB

PERKHIDMATAN AWAM KUMPULAN SOKONGAN (NO. 1) KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BILANGAN 2 TAHUN 2024

Mesyuarat Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Kumpulan Sokongan (No. 1) Kementerian Pendidikan Tinggi Bilangan 2 Tahun 2024 pada 9 Oktober 2024 telah menentukan hukuman tatatertib seperti berikut:

KEPUTUSAN PROSIDING JENAYAH DI MAHKAMAH MAJISTRET	JENIS KESALAHAN	GREY PEGAWAI	KEPUTUSAN TATATERTIB / HUKUMAN
KES 1 SABITAN DI BAWAH SEKSYEN 15(1)(A) AKTA DADAH BERBAHAYA 1952	TELAH MEMBURUKKAN/ MENCEMARKAN NAMA PERKHIDMATAN AWAM	19	BUANG KERJA
KES 2 SABITAN DI BAWAH SEKSYEN 15(1)(A) AKTA DADAH BERBAHAYA 1952	TELAH MEMBURUKKAN/ MENCEMARKAN NAMA PERKHIDMATAN AWAM	11	BUANG KERJA

info:

LARANGAN PENGLIBATAN PEGAWAI AWAM DALAM PENYALAHGUNAAN DAN PENAGIHAN DADAH



7. (1) Seseorang pegawai tidak boleh menggunakan atau mengambil apa-apa dadah berbahaya, kecuali sebagaimana yang dipreskripsikan untuk kegunaannya bagi maksud perubatan oleh pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 atau menyalahgunakan atau menagih apa-apa jenis dadah berbahaya.

(2) Jika seseorang Pegawai Perubatan Kerajaan memperakui dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual bahawa seseorang pegawai menggunakan atau mengambil, selain bagi maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan atau menagih suatu dadah berbahaya, pegawai itu boleh dikenakan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja.

Sumber Rujukan :

- Peraturan 7(1) dan 7(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993]
- Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM), Ceraian UP.7.2.4-Larangan Penglibatan Pegawai Awam Dalam Penyalahgunaan Dan Penagihan Dadah
- Kod Etika dan Tatakelakuan Kementerian Pendidikan Tinggi

PROGRAM “SEMBANG SANTAI INTEGRITI” BERSAMA KETUA UNIT INTEGRITI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI TAHUN 2024

Pada 28 Oktober 2024 Unit Integriti, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menganjurkan Program “Sembang Santai Integriti” Bersama Ketua Unit Integriti Kementerian Pendidikan Tinggi bertempat di Dewan Jamuan, Aras 1, KPT.

Program Sembang Santai Integriti ini merupakan salah satu medium pencegahan bagi menginstitusikan, menggalakkan dan membudayakan integriti dalam kalangan warga KPT. Program ini juga diadakan bagi menyampaikan maklumat antirasuah secara berterusan dan seterusnya meningkatkan kesedaran dan keyakinan warga terhadap usaha pencegahan rasuah di Malaysia.

Program Sembang Santai Integriti ini diadakan dengan berfokuskan kepada penerangan mengenai **Kesalahan-Kesalahan Utama Di Bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009** yang disampaikan oleh Encik Norhushaffiz bin Hussin, Ketua Unit Integriti KPT. Program ini diadakan khusus untuk memberi pendedahan kepada kumpulan pelaksana yang terdiri daripada Pembantu Operasi dan Pemandu di Kementerian, Jabatan dan Agensi.

Terdapat **empat (4) kesalahan utama** di bawah ASPRM 2009 seperti berikut:



Jika disabitkan kesalahan, pelaku boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda lima (5) kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mana yang lebih tinggi.

Selain itu, peserta juga dimaklumkan mengenai **kaedah penyaluran maklumat atau aduan** berkaitan isu integriti:



Seterusnya program ini diteruskan dengan Sesi **Pertandingan Kuiz Integriti** yang dibuka kepada semua peserta yang hadir. Seramai sepuluh (10) orang peserta yang terpuat dengan markah tertinggi dipilih sebagai pemenang kuiz.

Secara keseluruhan, seramai 70 orang peserta telah hadir dan memberikan maklum balas yang positif terhadap penganjuran program ini. Harapan agar segala komitmen sokongan terhadap program-program seumpama ini dapat diteruskan bagi memupuk kesedaran dalam kalangan warga KPT.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

BERITA INTEGRITI KPT SIRI 22 / 2024

SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL

PERINGKAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI TAHUN 2024



Pada 14 November 2024, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Unit Integriti telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat KPT Tahun 2024 yang bertempat di Dewan Za'ba KPT. Majlis ini disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohamad Azhan bin Md. Amir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPT. Tema Sambutan Bulan Integriti Nasional bagi Tahun 2024 adalah "**Teguh Integriti, Kukuh Pertiwi**". Majlis ini dilaksanakan dengan kerjasama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Education Malaysia Global Services (EMGS) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan dihadiri oleh warga KPT, Jabatan, Agensi dan Universiti Awam.

Majlis dimulakan dengan sesi **Lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR)** yang diketuai oleh Encik Sharjahan bin Mohamed Ali, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Akreditasi 2, MQA disusuli dengan sesi **menandatangani IBR** oleh YBhg. Datuk Mohamad Azhan Bin Md. Amir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPT yang turut disaksikan oleh Tuan Nazli Rasyid bin Hj. Sulung mewakili Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Selain itu, majlis ini juga menjadi platform bagi **pelancaran Modul Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR 2.0)** yang merupakan hasil kerjasama strategik antara Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan SPRM. Penerbitan modul ini merupakan inisiatif KPT di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019–2023 dan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS) 2024–2028.

Kemuncak majlis adalah **Sesi Penganugerahan Sijil Anti-Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001:2016** yang disampaikan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd kepada KPT.

Majlis kemudiannya disambung dengan sesi **Wacana Integriti KPT Siri 3 Tahun 2024 bertajuk "Untung Sabut Timbul, Untung Batu Tenggelam"** yang disampaikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Puan Aznika binti Mohd Anas daripada Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM. Sesi ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 kepada semua warga KPT yang hadir.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

BERITA INTEGRITI KPT SIRI 23 / 2024

PROGRAM “WALK WITH INTEGRITY” SEMPENA SAMBUTAN BULAN INTEGRITI NASIONAL

PERINGKAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI TAHUN 2024



Pada 22 November 2024, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengadakan Program “Walk With Integrity” bersempena dengan Sambutan Bulan Integriti Nasional Peringkat KPT Tahun 2024. Pelepasan acara ini disempurnakan oleh YBhg. Datuk Mohamad Azhan bin Md. Amir, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) bersama YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT.

Program ini merupakan anjuran Unit Integriti KPT dengan kerjasama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Seksyen Sukan, Bahagian Perancangan Strategik KPT dan Kelab Sukan dan Kebajikan KPT.

Program “Walk With Integrity” yang diadakan di sekitar Presint 5 ini berjaya menarik lebih 250 peserta dari kalangan warga KPT, Jabatan dan Agensi di bawah KPT dengan tujuan untuk menyemarakkan semangat integriti dalam kalangan warga KPT serta memupuk nilai-nilai murni yang menjadi teras kepada perkhidmatan awam yang cemerlang.

Seramai 100 peserta terawal yang berjaya melengkapkan tiga ‘check point’ laluan yang ditetapkan dan tiba di garisan penamat menerima ‘finisher medal’ sebagai penghargaan. Syarat penerimaan medal tersebut mengutamakan nilai integriti, di mana setiap peserta perlu mendapatkan cop di setiap ‘check point’ sebelum layak menerima medal. Program ini berakhir dengan acara penyampaian hadiah kepada pemenang cabutan istimewa.





MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB

PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KUMPULAN PENGURUSAN (NO.2) KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BILANGAN 1 TAHUN 2024

Mesyuarat Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pengurusan Kumpulan Pengurusan (No. 2) Kementerian Pendidikan Tinggi Bilangan 1 Tahun 2024 pada 25 November 2024 telah membincangkan dan menentukan hukuman tatatertib seperti berikut:

JENIS KESALAHAN	GRED PEGAWAI	KEPUTUSAN TATATERTIB / HUKUMAN
KES 1		
KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS	44	TIDAK BERSALAH
KES 2		
KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS	44	• AMARAN • TANGGUH PERGERAKAN GAJI BAGI TEMPOH 12 BULAN
KES 3		
PELANGGARAN TACARA PEROLEHAN KERAJAAN	44	AMARAN

*Implikasi tindakan tatatertib terhadap kenaikan pangkat pegawai adalah seperti berikut :

- 1 AMARAN** adalah tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan.
- 2 TANGGUH PERGERAKAN GAJI** adalah tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 30 bulan.

SUMBER: PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA
Urusan Pemangkuan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam,
Ceraian UP.3.1.6 - Dasar Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Disiasat Dan Telah Dikonakan Hukuman Tatatertib

info: PELANGGARAN TAKAKELAKUAN

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) [P.U.(A) 395/1993]

Perbuatan tersebut boleh diertikan sebagai melanggar peraturan 4(2)(d), dan 4(2)(g), P.U.(A) 395/1993 yang menyatakan seperti berikut:-

"4(2) seseorang pegawai tidak boleh –

- (d) berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan nama atau mencemarkan nama perkhidmatan awam;
- (g) tidak bertanggungjawab."

SUMBER: PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) [P.U.(A) 395/1993]

UNIT INTEGRITI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI | Telefon : 03-8870 6770 | Emel : integriti.kpt@mohe.gov.my



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

BERITA INTEGRITI KPT SIRI 25/2024

MESYUARAT JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BILANGAN 3 TAHUN 2024



Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Bilangan 3 Tahun 2024 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha KPT telah diadakan pada 19 Disember 2024 di Bilik Mesyuarat Ibnu Sina, Aras 17, KPT.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) KPT, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak, Setiausaha Bahagian, Ketua Unit, Pengarah Jabatan serta wakil daripada Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Education Malaysia Global Services (EMGS), Malaysian Qualifications Agency (MQA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Yayasan Perkasa Siswa (YPS) dan Unit Integriti Universiti Awam serta Unit Undang-Undang Universiti Awam.

KEPUTUSAN MESYUARAT JTK KPT BILANGAN 3 TAHUN 2024



UNIT INTEGRITI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI | Telefon : 03-8870 6770 | Emel : integriti.kpt@mohe.gov.my

The background features a teal color scheme with large, diagonal geometric shapes. Faded images of modern skyscrapers are visible in the corners. Three thick, teal diagonal lines are overlaid on the design.

INTEGRITI R&R

SUDAHKAH ANDA ISYTIHARKAN HARTA?

Tahukah anda, pegawai awam adalah diwajibkan melakukan pengisytiharan harta seperti syarat-syarat berikut :

**PEGAWAI LANTIKAN
PERTAMA**



**SETIAP LIMA (5)
TAHUN**



**JIKA MELAKUKAN
PELUPUSAN HARTA**



**JIKA MEMPEROLEH
HARTA BARU**



**JIKA DIKEHENDAKI
OLEH KERAJAAN**



Sekiranya **GAGAL** mengisytiharkan harta, pegawai boleh dikenakan **TINDAKAN TATATERTIB** di bawah :

- Peraturan 4(2)(i) : **INGKAR PERINTAH**; dan
- Peraturan 4(2)(f) : **TIDAK JUJUR ATAU TIDAK AMANAH**

selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam [Kelakuan dan Tatatertib] 1993

Sumber Rujukan :

- Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
- Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM), Ceraian UP.7.2.6
- Kod Etika dan Tatakelakuan Kementerian Pendidikan Tinggi



The background features a teal color scheme with large, diagonal, overlapping geometric shapes. Faded images of modern skyscrapers are visible in the corners. Three thick teal diagonal lines are positioned across the composition: one in the upper right, one in the lower left, and one in the lower right.

MESEJ INTEGRITI



MEMBOCORKAN DOKUMEN/ MAKLUMAT TERPERINGKAT DAN RAHSIA RASMI KERAJAAN ADALAH SATU KESALAHAN

Perbuatan mendedahkan/mengedarkan apa-apa dokumen/maklumat terperingkat dan rahsia rasmi Kerajaan boleh disifatkan sebagai melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 seperti berikut :

Peraturan 4 (2)
Seseorang pegawai tidak
boleh-



(g) Tidak Bertanggungjawab

(i) Ingkar Arahan

JIKA DISABITKAN KESALAHAN,
TINDAKAN TATATERTIB
BOLEH DIKENAKAN SEHINGGA HUKUMAN
BUANG KERJA

Rujukan:

1. Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)
2. Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017)
3. Kod Etika dan Tatakelakuan KPT



Unit Integriti KPT



integriti.kpt@mohe.gov.my



03-88706770/6144




UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6,
Presint 5, 62200 W.P. Putrajaya



Mengemukakan Sijil Cuti Sakit

PALSU

Boleh dikenakan tindakan
tatatertib sehingga hukuman
'BUANG KERJA' atau
'TURUN PANGKAT' kerana
melanggar Peraturan 4(2)(f) dan
4(2)(g) di bawah Peraturan-
Peraturan Pegawai Awam
(Kelakuan dan Tatatertib) 1993 :



Peraturan 4 (2)
Seseorang pegawai
tidak boleh-

(f) Tidak jujur dan tidak amanah

(g) Tidak bertanggungjawab

RUJUKAN :
PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) [P.U.(A)395/1993]



Unit Integriti KPT



integriti.kpt@mohe.gov.my



03-88706770/6144



UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6,
Presint 5, 62200 W.P. Putrajaya



KPT MENGAMALKAN DASAR TIDAK MENERIMA HADIAH



Sumber Rujukan :

- Peraturan 8 dan 9, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
- Ceraian UP.7.2.5, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM)
- Kod Etika dan Tatakelakuan Kementerian Pendidikan Tinggi

Unit Integriti KPT

 integriti.kpt@mohe.gov.my

 03-88706770/6144

 **KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**
Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6,
Presint 5, 62200 W.P. Putrajaya



Sila mohon cuti rehat. Kereta rosak bukanlah kecemasan yang boleh diberikan **Kebenaran Tidak Hadir Bertugas atas Sebab Kecemasan.**



KEBENARAN TIDAK HADIR KERJA ATAS SEBAB-MUSABAB KECEMASAN AM

1

Bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, gempa bumi atau sekatan am oleh pihak berkuasa.

Terhalangnya perjalanan ke tempat kerja.

2

3

Kes kemalangan peribadi atau bencana yang melibatkan harta benda bukanlah kecemasan am di bawah peraturan ini.

Ketua Jabatan boleh mendapatkan pengesahan kejadian daripada pihak berkuasa/ media massa bagi menimbangkan perakuan pegawai.

4

5

Kebenaran tidak hadir kerja atas sebab kecemasan am tidak menjejaskan kelayakan cuti pegawai.

Kelulusan Ketua Jabatan.


6

Rujukan:

- MyPPSM Ceraian SR.4.2.7 : **Peraturan Memberikan Kebenaran Tidak Hadir Kerja Atas Sebab-Musabab Kecemasan Am.**

Sumber:

- Facebook Jabatan Perkhidmatan Awam.



Unit Integriti KPT



integriti.kpt@mohe.gov.my



03-8870 6770/6144



UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6,
Presint 5, 62200 W.P. Putrajaya

HENTIKAN RASUAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

APA ITU RASUAH?

PENERIMAAN atau PEMBERIAN SUAPAN sebagai UPAH atau DORONGAN untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi

DEFINISI SUAPAN



WANG



BONUS



PINJAMAN



JAWATAN



HADIAH



DERMA



DISKAUN



PERKHIDMATAN

JIKA DISABITKAN KESALAHAN



• **PENJARA** selama tempoh tidak melebihi 20 TAHUN; atau

• **DENDA** tidak kurang 5 KALI GANDA jumlah atau nilai suapan (jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang).



Rujukan:

- AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (AKTA 694)
- PELAN ANTIRASUAH KPT 2022-2026



UNIT INTEGRITI KPT



integriti.kpt@mohe.gov.my



03-8870 6144/6770



TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN/PENYELIA

Kawalan dan pengawasan tatatertib adalah menjadi tugas tiap-tiap pegawai ke atas pegawai bawahannya selaras dengan Peraturan 3C, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang telah memperuntukkan seperti berikut:

3c (1)

Maka menjadi tugas tiap-tiap pegawai untuk menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya dan mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera yang mungkin bagi apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

3c (2)

Seseorang pegawai yang gagal untuk menjalankan kawalan dan pengawasan ke atas pegawai bawahannya, atau untuk mengambil tindakan terhadap pegawai bawahannya yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan dia BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB.

Antara tindakan-tindakan awal yang boleh diambil oleh Ketua Jabatan/Penyelia sekiranya pegawai bawahannya didapati melakukan pelanggaran tatakelakuan adalah seperti berikut:

02

Mengeluarkan surat arahan secara bertulis kepada pegawai

04

Memohon penjelasan daripada pegawai melalui Surat Tunjuk Sebab (STS) atas pelanggaran

06

Merujuk pegawai untuk berjumpa dengan Pegawai Psikologi/Kaunseling (sekiranya perlu)

08

Merekodkan semua tindakan yang telah diambil dengan terperinci di dalam fail peribadi pegawai

01

Memberi teguran atau nasihat kepada pegawai untuk sentiasa mematuhi peraturan semasa yang sedang berkuat kuasa

03

Mengemukakan peringatan secara bertulis kepada pegawai

05

Menimbang penjelasan yang dikemukakan oleh pegawai

07

Membuat laporan kepada Unit/Bahagian Pengurusan Sumber Manusia untuk pemotongan emolumen di bawah Peraturan 14A, Perintah-Perintah Am Bab C (bagi kes tidak hadir bertugas)

Sekiranya pegawai masih lagi melakukan pelanggaran, Ketua Jabatan/Penyelia hendaklah mengemukakan laporan mengenai pelanggaran tatatertib ini kepada **Urus Setia Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT)** yang berkenaan dengan kadar segera.

Rujukan :

- Peraturan 3C, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. [P.U. (A) 395/1993]
- Garis Panduan Pengurusan dan Pelaporan Kes-Kes Tatatertib Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2023



Unit Integriti KPT



integriti.kpt@mohe.gov.my



03-88706770/6144



UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6,
Presint 5, 62200 W.P. Putrajaya



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

LARANGAN PENGLIBATAN PEGAWAI AWAM DALAM PENYALAHGUNAAN DAN PENAGIHAN **DADAH**

Seseorang pegawai **tidak boleh menggunakan** atau **mengambil** apa-apa dadah berbahaya, kecuali sebagaimana yang dipreskripsikan untuk kegunaannya bagi maksud perubatan oleh pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 atau **menyalahgunakan** atau **menagih apa-apa jenis dadah berbahaya**.



Jika seseorang Pegawai Perubatan Kerajaan memperakui bahawa seseorang pegawai menggunakan atau mengambil, selain bagi maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan atau menagih suatu dadah berbahaya, pegawai itu boleh dikenakan **tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja**.

Sumber Rujukan :

- Peraturan 7(1) dan 7(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]
- Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM), Ceraian UP.7.2.4-Larangan Penglibatan Pegawai Awam Dalam Penyalahgunaan Dan Penagihan Dadah
- Kod Etika dan Tatakelakuan Kementerian Pendidikan Tinggi



Unit Integriti KPT



integriti.kpt@mohe.gov.my



03-88706770/6144



UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6,
Presint 5, 62200 W.P. Putrajaya



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

4 KESALAHAN UTAMA RASUAH

01

**Meminta/
Menerima rasuah**

02

**Menawar/
Memberi rasuah**

03

**Mengemukakan
tuntutan palsu**

04

**Menggunakan jawatan/
kedudukan untuk rasuah
pegawai badan awam**

JIKA DIDAPATI **BERSALAH**:

- Penjara tidak melebihi 20 tahun;
DAN
- Denda tidak kurang 5 kali ganda nilai
rasuah atau RM 10,000 mana yang
lebih tinggi



RUJUKAN:

AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 [AKTA 694]



Unit Integriti KPT



integriti.kpt@mohe.gov.my



03-88706770/6144



UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6,
Presint 5, 62200 W.P. Putrajaya



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Usah Takut, Usah Gentar

IDENTITI ANDA TIDAK TERBONGKAR

Warga Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) adalah dialu-alukan untuk menyalurkan **SEBARANG ADUAN ATAU MAKLUMAT BERKAITAN SALAH LAKU** seperti **GANGGUAN SEKSUAL, RASUAH, PENYELEWENGAN, SALAH GUNA KUASA** atau sebarang **PELANGGARAN TATAKELAKUAN** yang melibatkan warga KPT



JANGAN BIARKAN IA TERUS BERLAKU



Unit Integriti KPT

integriti.kpt@mohe.gov.my

03-88706770/6144



UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6,
Presint 5, 62200 W.P. Putrajaya



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

LARANGAN PENGLIBATAN PEGAWAI AWAM DALAM PENYALAHGUNAAN DAN PENAGIHAN DADAH

Ketua Jabatan hendaklah melaksanakan program pencegahan bagi penyalahgunaan dan penagihan dadah terhadap pegawai bawahannya seperti berikut :

01

Melakukan Ujian Saringan Dadah bersama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) / Merujuk pegawai yang disyaki ke Hospital Kerajaan atau AADK.

02

Mendapatkan Keputusan Ujian Saringan Dadah daripada Jabatan Patologi.

03

Mendapatkan Perakuan Pegawai Perubatan Kerajaan dengan menggunakan Borang Jadual P.U.(A) 132/2007

04

Melaporkan kepada Urus Setia Tatatertib yang berkenaan sekiranya pegawai disahkan seorang penagih atau mengambil dadah.

Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan semua pegawai bawahannya mematuhi larangan menggunakan atau mengambil apa-apa dadah berbahaya, kecuali bagi tujuan perubatan.

SUMBER RUJUKAN :

- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993]
- Ceraian UP.7.2.4 - Larangan Penglibatan Pegawai Awam Dalam Penyalahgunaan Dan Penagihan Dadah, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia(PPSM)



Unit Integriti KPT



integriti.kpt@mohe.gov.my



03-88706770/6144



UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6,
Presint 5, 62200 W.P. Putrajaya



Ingin Ke Luar Negara?



PERMOHONAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN

Mendapatkan kelulusan **Pegawai Pelulus** dan tertakluk kepada Pekeliling berikut:

- Perenggan 6 (i), (ii) dan Perenggan 10 Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012; dan
- Ceraian SR2.4.1, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia - Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan kepada Pegawai Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian

info:

PELANGGARAN TATAKELAKUAN

PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) [P.U.(A) 395/1993]

Jika seseorang Pegawai Awam ke luar negara tanpa kelulusan Pegawai Pelulus, perbuatan ini boleh diertikan telah melanggar tatakelakuan di bawah peraturan 4(2)(i) P.U.(A)395/1993 yang menyatakan seperti berikut:

- “4(2) Seseorang pegawai tidak boleh -
- (i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah.”

Rujukan:

- Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2012
- Ceraian SR2.4.1, Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia
- Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993



Unit Integriti KPT



integriti.kpt@mohe.gov.my



03-88706794/6308




UNIT INTEGRITI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6,
Presint 5, 62200 W.P. Putrajaya



LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM TERMASUK DI MEDIA SOSIAL

Peraturan 19(1) dan 19(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993



Walau bagaimanapun, pegawai boleh memberi atau menyebarkan ulasan, maklumat atau penjelasan sekiranya kandungan ulasan, maklumat atau penjelasan itu telah **mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada YB Menteri.**

Rujukan:

- Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993
- Kod Etika dan Tatakelakuan Kementerian Pendidikan Tinggi
- Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia



Unit Integriti KPT



integriti.kpt@mohe.gov.my



03-88706794/6308



UNIT INTEGRITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Aras 1, No.2, Menara 2, Jalan P5/6,
Presint 5, 62200 W.P. Putrajaya



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

UNIT INTEGRITI

ARAS 1, NO.2 MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5 62200
W. P. PUTRAJAYA, MALAYSIA.



03-8870 6000



03-8870 6254



integriti.kpt@mohe.gov.my